

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

MMA gesa laksana segera pemetaan digital tenaga kerja sektor kesihatan

Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa kerajaan melaksanakan segera inisiatif pemetaan digital ke atas tenaga kerja dalam sektor kesihatan negara.

Presidennya, Dr Azizan Abdul Aziz, berkata langkah itu penting untuk membantu menangani masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor terbabit, selain pembahagian sumber tenaga tidak seimbang yang menjejaskan sistem kesihatan negara.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM), Jabatan Sumber Manusia dan Jabatan Kesihatan negeri perlu telus dengan data mengenai pengagihan pekerja kesihatan.

"Kita tidak boleh meneruskan penempatan semula sejumlah besar pekerja kesihatan sekarang kerana ini hanya bersifat sementara. Isu ini menjejaskan penjagaan pesakit," katanya melalui kenyataan semalam.

Kenyataan itu susulan laporan media mengenai kekurangan tenaga kerja di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah di Temerloh dan sebuah hospital di

wilayah utara di mana penjaan pesakit dilaporkan terjejas.

Dalam pada itu, Dr Azizan menggesa semua jabatan yang berdepan kekurangan kakitangan untuk segera melaporkannya kepada pengarah hospital masing-masing dan mengemukakan permohonan berkaitan keperluan tenaga kerja.

"Semua data yang diperlukan untuk menyokong permintaan tambahan bilangan pekerja juga harus dilampirkan.

"Langkah ini penting untuk membantu pengarah hospital menyalurkan permohonan kepada jabatan kesihatan negeri bagi mendapatkan tenaga

kerja tambahan daripada bahagian perancangan sumber manusia di peringkat kementerian.

"Pengemaskinian segera mengenai sebarang perubahan dalam komposisi tenaga kerja penjagaan kesihatan perlu dipasti-

kan bagi perancangan sumber manusia yang cekap.

"Untuk tujuan ini, MMA menyokong pengemaskinian masa nyata melalui pendigitalan," katanya.

Labur dalam sistem digital

Dr Azizan berkata, pihaknya juga dimaklumkan ramai ketua jabatan yang tidak melakukan kemas kini di jabatan masing-masing, apatah lagi mengemukakan permintaan tenaga kerja walaupun berdepan kekurangan.

"Kerajaan harus melabur dalam sistem digital untuk memudahkan proses, di mana penge-

maskinian boleh dilakukan dalam masa nyata supaya semua jabatan termasuk Menteri Kesihatan mempunyai maklumat terkini mengenai pengagihan sumber manusia.

"Adalah penting untuk diketahui setiap jabatan dalam sistem penjagaan kesihatan mem-

punyai keperluan tertentu membabitkan bilangan pekerja bagi memastikan ia berfungsi secara optimum," katanya.

Sementara itu, Dr Azizan berkata, papan muka dengan maklumat masa nyata mengenai jumlah pegawai perubatan, pakar dan perkhidmatan sedia ada serta kiraan pesakit bagi setiap kemudahan penjagaan kesihatan awam perlu disediakan secara dalam talian.

Katanya, ia bagi membantu orang ramai merancang lawatan ke hospital.

"Kami percaya ciri berguna ini jika dilaksanakan dengan baik dan digunakan secara meluas oleh orang ramai, boleh mengurangkan kesesakan di fasiliti penjagaan kesihatan dengan ketara.

"Ramai yang tidak mengetahui mengenai waktu puncak di fasiliti berkenaan, jadi dengan permintaan terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan yang semakin meningkat, kerajaan mesti mendigitalkan pemetaan sumber manusianya," katanya.



Dr Azizan Abdul Aziz

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

'Doktor gigi' kena denda **RM70,000**

Wanita tawar khidmat pergigian tanpa kelayakan dihukum

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Putrajaya

Seorang wanita didenda RM70,000 selepas didapati bersalah menjalankan kegiatan sebagai doktor gigi haram di ibu kota.

Tertuduh, Lee Hooi Leng, 34, dijatuhi hukuman itu oleh hakim Puan Norina Zainol Abidin di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur baru-baru ini, selepas tertuduh didapati bersalah.

Pendakwaan dijalankan pegawai pendakwa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Musfirah Musa dan Faryna Md Yaakub.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan pegawai dari Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya diketuai Dr Low Mei Lin dibantu anggota polis Balai Polis Sri Petaling menyerbu sebuah premis di Bandar Sri Petaling di sini, jam 11.35 pagi, 23 Ogos tahun lalu.

Tindakan dilakukan susulan maklumat terdapat individu menjalankan amalan pergigian tanpa kelayakan di premis berkenaan.

Ketika serbuan, tertuduh didapati sedang menjalankan rawatan pergigian veneer ke atas seorang pelanggan wanita di sebuah spa kecantikan.



HOOI Leng didenda RM70,000 selepas didapati menjalankan kegiatan sebagai doktor gigi haram.

Tertuduh gagal mengemukakan sebarang perakuan pendaftaran sebagai pengamal pergigian berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia dan perakuan pengamalan tahunan semasa.

Penggeledahan premis menemui pelbagai peralatan dan bahan pergigian di bilik rawatan.

Semakan dengan Majlis Pergigian Malaysia (MPM)

mendapati tertuduh bukan pengamal pergigian yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia dan tidak pernah diberi Perakuan Amalan Tahunan.

Susulan itu tertuduh didapati melanggar Seksyen 62(1) Akta Pergigian 2018 [Akta 804] dan jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 62(3) Akta yang sama.

Susulan itu tertuduh didapati melanggar Seksyen 62(1) Akta Pergigian 2018 [Akta 804] dan jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 62(3) Akta yang sama.

Ketika serbuan tertuduh sedang menjalankan rawatan pergigian veneer ke atas pelanggan

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Klinik Kesihatan Manjoi dijangka siap Mac 2025

IPOH - Klinik Kesihatan Manjoi yang beberapa kali tertangguh pembinaannya dijangka siap sepenuhnya pada 1 Mac tahun depan.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional, A. Sivanesan berkata, pembinaan klinik itu harus disiapkan pada 1 Mac tahun hadapan tanpa ada sebarang penangguhan.

Menurutnya, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah pun bersetuju dengan pihaknya bahawa tidak ada penangguhan selepas ini dan dalam masa tujuh bulan, Klinik Kesihatan Manjoi harus siap dibina.

Ujarnya, kakitangan JKR mesti ada di tapak untuk memastikan kerja-kerja pembinaan siap seperti yang dijadualkan.

"Buat masa ini, sebanyak 53 peratus bangunan telah siap dan masih ada lagi lebih kurang 46.4 peratus yang belum siap.

"Bagaimanapun pihak JKR yakin mereka dapat menyiapkan bangunan ini dalam tempoh yang ditetapkan kerana kerja-kerja asas pembinaan bangunan telah pun siap," katanya di sini semalam.

Tambahnya, jumlah penduduk di sekitar klinik berkenaan adalah kira-kira 40,000 orang yang meliputi lima buah kampung seluas 600 hektar.

Katanya, lima buah kampung tersebut ialah Kampung Manjoi, Kampung Tengku Hussein, Kampung Sungai Tappah, Kampung Dato Ahmad Said dan Kampung Jelapang Baru.

"Klinik ini akan memberikan perkhidmatan yang lebih meluas seperti Klinik Ibu dan Anak termasuk beberapa doktor pakar, bilik konsultasi berasingan dan tiga buah kautil.

"Cuma masalah yang dihadapi adalah parkir untuk orang awam.

"Di kawasan pekarangan klinik ini boleh ditempatkan lebih kurang 13 parkir lot kereta sahaja," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 30
RUANGAN : DALAM NEGERI

30

Utusan Malaysia
KHAMIS • 15 OGOS 2024

Lapan tahun Klinik Manjoi tumpang dewan serbaguna

Oleh LIYANA RAMLI
utusannews@mediamula.com.my

IPOH: Penduduk menyambut baik langkah kerajaan memastikan Klinik Kesehatan Manjoi di sini siap pada Mac tahun depan selepas beberapa kali pembinaannya tertangguh.

Ini kerana sudah lapan tahun rawatan kesihatan untuk penduduk sekitarnya dijalankan dengan menumpang di Dewan Serbaguna Kampung Manjoi di sini.

Ini menimbulkan kesukaran kepada penduduk di sekitar klinik tersebut seramai lebih 40,000 orang yang meliputi lima buah kampung iaitu Kampung Manjoi, Kampung Tengku Hussein, Kampung Sungai Tapah, Kampung Dato Ahmad Said dan Kampung Jelapang Baru.

Dianggarkan 500 pesakit datang ke klinik tersebut setiap hari.

Keadaan bangunan dewan yang menempatkan klinik itu juga menyebabkan masalah parkir kerana pekarangan klinik itu hanya boleh menempatkan 13 parkir lot kenderaan.

Sementara itu, penduduk menyambut baik jaminan kerajaan pembinaan klinik tersebut



KEADAAN pesakit yang mendapatkan rawatan kesihatan di Klinik Manjoi di Dewan Serbaguna Kampung Manjoi, Ipoh. - UTUSAN/LIYANA RAMLI

siap tahun depan untuk kemudahan penduduk mendapatkan rawatan.

Penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Ahmad berkata, keadaan klinik yang menumpang di dalam dewan sangat tidak efisien disebabkan ruang rawatan yang terhad.

"Kalau kita tengok keadaan ini sudah lama, sudah lapan tahun, tetapi bangunan klinik masih belum siap dibina.

"Penduduk berharap agar pembinaan klinik kesihatan yang baharu dapat disegerakan, perlu disiapkan mengikut masa yang ditetapkan, janganlah tertangguh lagi.

"Jumlah penduduk di kawasan Gugusan Manjoi sangat padat sedangkan kami memerlukan pusat rawatan yang efisien sekaligus dapat menampung jumlah pesakit yang ramai.

"Jika kawasan klinik sempit

tetapi pesakit ramai, ia akan menimbulkan rasa ketidakselesaan semasa tempoh menunggu waktu rawatan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional, A.Sivanesan berkata, pembinaan klinik itu dijangka siap sepenuhnya pada 1 Mac tahun depan tanpa penangguhan lagi.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : VIEWS

Health reform efforts must be given priority

RECENT reports regarding the welfare of healthcare staff have sparked deep concern among many, myself included. One alarming incident involved the reduction of maternity leave for doctors in government clinics under the Hulu Langat district health office to 60 days (from 90) due to shortage of staff, a decision thankfully reversed after it caught the attention of the Health Minister.

Another troubling case involved a doctor couple being denied leave to care for their child who had chickenpox. While the matter was later attributed to miscommunication, it indicates a larger, systemic problem that, if left unresolved, could herald the collapse of our healthcare system.

For years, we have witnessed the gradual strain on the system – increasing wait times in medical facilities, growing public dissatisfaction, and widespread burnout among the workers.

If we continue to take a reactive approach – merely firefighting rather than addressing the underlying problems – we may soon face the next phase of a healthcare system in crisis. This could manifest in deteriorating quality of care, increase in medical errors, and more frequent health service disruptions due to resource rationing.

The workforce is the cornerstone of any functioning healthcare system, supported by essential elements such as adequate financing. But even with sufficient financial resources, no healthcare system can operate effectively without a well-trained and well-supported workforce, which takes years to nurture.

The introduction of the contract system for public health workers, diminishing job security as well as significantly lower salaries compared to the private sector and developed countries have driven many qualified professionals to opt for other career paths. This trend risks creating a vicious cycle; as more healthcare workers leave the public sector, those who remain will face increased workloads and stress, leading to further resignations.

This also raises concerns about how many students will still be enticed to pursue careers in medicine or nursing under such conditions.

To his credit, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad has proposed the establishment of a Health Service Commission to strengthen human resource management in the healthcare sector. This proposal, reportedly referred to the Cabinet earlier this year, was accompanied by other top priorities such as health financing reform and digital transformation.

These reforms must be treated with the urgency they deserve by the government of the day.

DR RICHARD
Petaling Jaya